

Pelbagai barangan tiruan RM223,530 dirampas

Utusan Maly 27/7/12 MS 33

KOTA KINABALU 26 Julai - Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (PPDNKK) negeri merampas pelbagai jenis barangan berjenama tiruan dianggarkan bernilai RM223,530 dalam serbuan terhadap dua gudang di Bundusan dekat sini semalam.

Pengarahnya, Noor Alam Khan Abdul Wahid Khan berkata, barangan yang dirampas terdiri daripada beg sandang, seluar pendek, jersi, stokin, topi dan dompet yang kesemuanya berjumlah 7,962 unit.

Menurutnya, serbuan selama enam jam bermula pukul 9 malam kelmarin itu melibatkan syarikat pemborong berbeza dan setakat ini tiada tangkapan dibuat.

"Berdasarkan risikan dan aduan orang ramai, PPDNKK Sabah menyerbu dua buah gudang yang dipercayai digunakan untuk menyimpan barangan tiruan bagi dijual di pasaran Kota Kinabalu.

"Ia merupakan rampasan barangan tiruan kedua terbesar oleh PPDNKK Sabah pada tahun ini, selepas kejayaan membongkar kegiatan sama di Penampang, dekat sini pada 4 Julai lalu yang melibatkan rampasan hampir RM500,000," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Noor Alam Khan berkata, barangan paling banyak dirampas pada serbuan tersebut adalah kemeja T jenama Adidas sebanyak 4,210 helai dan dianggarkan bernilai RM126,300 diikuti jenama Nike (1,930), dianggarkan bernilai RM57,900.

Menurutnya, kesemua barangan yang dirampas itu dipercayai untuk dijual sempena sambutan Aidilfitri ini.

"Kes akan disiasat di bawah Seksyen 8, Akta Perihal Dagangan 2011 iaitu larangan



NOOR Alam Khan Abdul Wahid Khan (kanan) menunjukkan pakaian tiruan yang berjaya dirampas pada sidang media rampasan pakaian tiruan di gudang PPDNKK, Kota Kinabalu, semalam. - UTUSAN/AZRUL EDHAM MOHD. AMINUDDIN

perihal dagangan palsu berhubung dengan cap dagangan," ujarnya.

Jelasnya, jika sabit kesalahan, denda tidak melebihi RM15,000 bagi setiap barang yang diletakkan perihal dagangan palsu dan

bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya denda tidak melebihi RM30,000 bagi setiap barang apabila ia melibatkan suatu pertubuhan perbadanan.

Namun jika bukan melibatkan pertubu-

han perbadanan katanya, denda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap barang yang diletakkan perihal palsu atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.